31 Mac 2026
*31 March 2026*
P.U. (A) 150

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

## PERINTAH KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA (KLINIK PERUBATAN SWASTA ATAU KLINIK PERGIGIAN SWASTA) (PINDAAN JADUAL FI) 2026

## *PRIVATE HEALTHCARE FACILITIES AND SERVICES (PRIVATE MEDICAL CLINICS OR PRIVATE DENTAL CLINICS) (AMENDMENT OF FEE SCHEDULE) ORDER 2026*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998

PERINTAH KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA
(KLINIK PERUBATAN SWASTA ATAU KLINIK PERGIGIAN SWASTA)
(PINDAAN JADUAL FI) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 106(2) Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*], Menteri, selepas berunding dengan Ketua Pengarah, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) (Pindaan Jadual Fi) 2026**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 2 April 2026.

**Pindaan Jadual Ketujuh**

2. Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [*P.U. (A) 137/2006*] dipinda dalam Jadual Ketujuh, dalam Bahagian 1—

*(a)* berhubung dengan butiran "A. FI PERUNDINGAN"—

(i) dengan menggantikan subbutiran 1 dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan subbutiran dan butir-butir yang berikut:

"1. Pengamal Perubatan Am

Klinik Pengamal Perubatan Am

Perundingan — RM10 – RM80

| | | |
|---|---|---|
| Perundingan selepas waktu klinik yang ditetapkan | — | Sehingga 50% melebihi kadar biasa |
| Panggilan atau lawatan ke rumah | — | Sehingga 100% melebihi kadar biasa ”; dan |

(ii) dengan menggantikan subbutiran 2 dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan subbutiran dan butir-butir yang berikut:

“2. Pakar

*(a)* Lawatan pertama/ perundingan awal

| | | |
|---|---|---|
| Perundingan sahaja<br>Perundingan dengan pemeriksaan<br>Perundingan dengan pemeriksaan dan pelan rawatan | | RM80 – RM235 |
| Perundingan selepas waktu klinik yang ditetapkan | — | Sehingga 50% melebihi kadar biasa |
| Panggilan atau lawatan ke rumah | — | Sehingga 100% melebihi kadar biasa |

*(b)* Lawatan susulan/ perundingan susulan

| | | |
|---|---|---|
| Perundingan sahaja<br><br>Perundingan dengan pemeriksaan<br><br>Perundingan dengan pemeriksaan dan pelan rawatan | } | RM40 – RM105 |
| Perundingan selepas waktu klinik yang ditetapkan | — | Sehingga 50% melebihi kadar biasa |
| Panggilan atau lawatan ke rumah | — | Sehingga 100% melebihi kadar biasa "; |

*(b)* berhubung dengan butiran "D. FI TATACARA AM", dalam subbutiran 1, dengan menggantikan subsubbutiran *(e)* dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan subsubbutiran dan butir-butir yang berikut:

"*(e)* Pembedahan

| | | |
|---|---|---|
| Insisi dan penyaliran | — | RM275 |
| Suntikan bahan pensklerosan ke dalam buasir | — | RM275 |
| Pengikatan buasir | — | RM275 |
| Suntikan ke dalam vena varikos kaki | — | RM275 |
| Berkhatan | | |
| Pengamal Perubatan Am | — | RM150 |
| Pakar | — | RM725 "; dan |

*(c)* berhubung dengan butiran "E. PELBAGAI"—

(i) dalam subbutiran 1—

(A) dalam subsubbutiran *(a),* dengan menggantikan perkataan "Bukan pakar" dengan perkataan "Pengamal Perubatan Am"; dan

(B) dengan menggantikan subsubbutiran *(b)* dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan subsubbutiran dan butir-butir yang berikut:

"*(b)* Pakar

| | |
|---|---|
| Pemeriksaan Perubatan – pra-pekerjaan, rutin dan pemeriksaan perubatan tahunan, pemeriksaan perubatan kesihatan, pemeriksaan perubatan menyeluruh, pemeriksaan perubatan penerbangan (tidak termasuk ujian diagnostik makmal, sinar-X, ECG, dsb.) | — RM115 – RM570 |
| Pemeriksaan bagi kes *medico-legal* | — RM570 – RM2290 |
| Pemeriksaan bagi penilaian kehilangan upaya | — RM570 – RM2290 |
| Penyertaan dalam pemeriksaan Lembaga Perubatan | — RM570 – RM2290 |
| Pemeriksaan perubatan bagi insurans hayat | — RM170 – RM460 |

| | | |
|---|---|---|
| Pemeriksaan kesihatan bagi lesen vokasional | — RM35 – RM115 | ”; dan |

(ii) dengan menggantikan subbutiran 2 dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan subbutiran dan butir-butir yang berikut:

“2. Laporan Perubatan

| | | |
|---|---|---|
| *(a)* Pengamal Perubatan Am | — | RM50 – RM200 |
| *(b)* Pakar | — | RM115 – RM570 ”. |

Dibuat 19 Mac 2026
[KKM.R.600-1/7/5JLD.2(12); PN(PU2)610/VI]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
*Menteri Kesihatan*

PRIVATE HEALTHCARE FACILITIES AND SERVICES ACT 1998

PRIVATE HEALTHCARE FACILITIES AND SERVICES (PRIVATE MEDICAL CLINICS OR PRIVATE DENTAL CLINICS) (AMENDMENT OF FEE SCHEDULE) ORDER 2026

IN exercise of the powers conferred by subsection 106(2) of the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 [*Act 586*], the Minister, after consulting the Director General, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Private Healthcare Facilities and Services (Private Medical Clinics or Private Dental Clinics) (Amendment of Fee Schedule) Order 2026**.

(2) This Order comes into operation on 2 April 2026.

**Amendment of Seventh Schedule**

2. The Private Healthcare Facilities and Services (Private Medical Clinics or Private Dental Clinics) Regulations 2006 [*P.U. (A) 137/2006*] are amended in the Seventh Schedule, in Part I—

*(a)* in relation to item "A. CONSULTATION FEES"—

(i) by substituting for subitem 1 and the particulars relating to it the following subitem and particulars:

"1. General Medical Practitioners

General Medical Practitioners Clinic

| | | |
|---|---|---|
| Consultation | — | RM10 – RM80 |
| Consultation after stipulated clinic hours | — | Up to 50% above the usual rate |

| | | |
|---|---|---|
| House calls or home visits | — | Up to 100% above the usual rate ”; and |

(ii) by substituting for subitem 2 and the particulars relating to it the following subitem and particulars:

“2. Specialists

*(a)* First visit/ initial consultation

| | | |
|---|---|---|
| Consultation only<br>Consultation with examination<br>Consultation with examination and treatment plan | } | RM80 – RM235 |
| Consultation after stipulated clinic hours | — | Up to 50% above the usual rate |
| House calls or home visits | — | Up to 100% above the usual rate |

*(b)* Follow-up visit/follow-up consultation

| | | |
|---|---|---|
| Consultation only<br>Consultation with examination<br>Consultation with examination and treatment plan | } | RM40 – RM105 |
| Consultation after stipulated clinic hours | — | Up to 50% above the usual rate |

| | | |
|---|---|---|
| House calls or home visits | — | Up to 100% above the usual rate ”; |

*(b)* in relation to item “D. GENERAL PROCEDURES FEE”, in subitem 1, by substituting for subsubitem *(e)* and the particulars relating to it the following subsubitem and particulars:

“*(e)* Surgery

| | | |
|---|---|---|
| Incision and drainage | — | RM275 |
| Injection of sclerosing substance into haemorrhoids | — | RM275 |
| Banding of haemorrhoids | — | RM275 |
| Injection into varicose vein(s) of leg | — | RM275 |
| Circumcision | | |
| General Medical Practitioners | — | RM150 |
| Specialists | — | RM725 ”; and |

*(c)* in relation to item “E. MISCELLANEOUS”—

(i) in subitem 1—

(A) in subsubitem *(a)*, by substituting for the words “Non-specialists” the words “General Medical Practitioners”; and

(B) by substituting for subsubitem *(b)* and the particulars relating to it the following subsubitem and particulars:

"*(b)* Specialists

| | |
|---|---|
| Medical Examination – pre-employment, routine and annual medical examination, fitness medical examination, comprehensive medical examination, aviation medical examination (excluding laboratory investigations, X-ray, ECG, etc.) | — RM115 – RM570 |
| Examination for medico-legal cases | — RM570 – RM2290 |
| Examination for evaluation of disability | — RM570 – RM2290 |
| Participation in Medical Board examination | — RM570 – RM2290 |
| Medical examination for life insurance | — RM170 – RM460 |
| Health examination for vocational licence | — RM35 – RM115 "; and |

(ii) by substituting for subitem 2 and the particulars relating to it the following subitem and particulars:

"2. Medical Report

*(a)* General Medical Practitioners — RM50 – RM200

*(b)* Specialists — RM115 – RM570 ".

Made 19 March 2026
[KKM.R.600-1/7/5JLD.2(12); PN(PU2)610/VI]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
*Minister of Health*